

Manfaat haruan

» Ramai percaya spesies ini berkesan sembuhkan luka dalaman

Oleh Abu Bakar Ali
bhnews@bh.com.my

► Pelabuhan Klang

Ramai beranggapan ikan haruan amat berkesan dalam mengubati luka dalaman, terutama kepada wanita selepas bersalin.

Malah, sejak turun-temurun lagi amalan perubatan menggunakan ikan haruan digunakan untuk membantu menyembuhkan luka, selain meredakan penyakit berkaitan kulit seperti radang, gatal-gatal dan sebagainya.

Kajian oleh seorang penyelidik di Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati asid arachidonik, asid amino dan asid lemak yang terkandung dalam isi ikan haruan amat bermanfaat dalam membantu proses penyembuhan penyakit kulit.

Harga mahal

Namun, bagi sesetengah pemburu ikan haruan, spesies ini dipancing

kerana harganya yang mahal, kadangkala mencecah sehingga RM25 sekilogram (ikan hidup) atau RM18 (sudah mati).

Bagi V Sathiya Kumar, saban hujung minggu beliau menjadikan beberapa anak sungai, paya dan kolam terbiar di sekitar Pelabuhan Klang untuk memburu ikan memiliki isi yang halus serta lembut itu.

“Isinya enak dimasak sup atau dibakar. Orang kata ikan ini mampu mengubati luka dalaman dan tidak hairan ada jiran yang baru menjalani pembedahan atau bersalin meminta saya mencari haruan apabila melihat saya keluar memancing,” katanya.

Pasang katak minyak

Sathiya Kumar berkata, sebelum memiliki joran moden dan umpan tiruan, beliau sering memasang katak minyak atau cicak untuk ‘menajur’ ikan haruan dengan menggunakan batang bemban atau ranting buluh.

“Langkah pertama, kita kenal pasti lokasi memancing dan melihat riak ikan haruan ada menghu- ni atau tidak di situ. Kebiasaannya ikan ini sering menghamburkan air



Harga haruan hidup mencecah **RM25** sekilogram.

ketika menyambar anak ikan, katak atau belalang. Lebih baik sekiranya terdapat kumpulan anak haruan sudah pasti ada ikan besar (ibu) ikan berkenaan.

“Sekarang sudah moden, kalau tiada katak minyak, katak tiruan yang pelbagai warna sudah memadai. Membaling umpan ini juga perlu kepakaran kerana jika tersalah baling, tersangkut pada ranting pokok atau rumput rampai. Paling bagus, jika kita dapat membawa umpan di kumpulan anak haruan ini, pasti disam-

bar sang ibu,” katanya.

Kebiasaannya, saiz haruan di sekitar Pelabuhan Klang tidak besar kerana paya dan kolam tinggal di kawasan sering dikun- jungi pemancing luar yang turut berminat memburunya.

“Kunjungan saya minggu lalu, memperoleh tiga haruan yang beratnya sekitar satu kilogram (kg) hingga satu setengah kg. Itu sudah dikira memadai,” katanya.

“Kebiasaannya ikan ini sering menghamburkan air ketika menyambar anak ikan, katak atau belalang”

V Sathiya Kumar,
Pemancing



Sathiya Kumar
memburu haruan
di kolam terbiar,
sungai atau paya.